

31 JAN 2004

Mahathir-BN

PARTI KOMPONEN BN PERLU JALIN KERJASAMA ERAT UNTUK MENANG P/RAYA

ALOR STAR, 31 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata semua parti koponen Barisan Nasional (BN) perlu menjalinkan kerjasama yang erat agar rakyat memilih BN pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau yang juga penasihat pilihan raya negeri Kedah berkata semua pihak perlu bekerjasama untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional tanpa mengira calon yang diletakkan bertanding itu daripada kaum dan parti yang mana.

"Semua calon (BN) mesti di sokong oleh semua parti (dalam BN)," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Gerak Kerja Pilihan Raya Barisan Nasional negeri Kedah di sini, hari ini, yang dihadiri lebih 3,000 jentera kerja BN.

Beliau berkata walaupun tidak akan bertanding pada pilihan raya ini, beliau ingin memastikan BN dapat merampas kembali kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen di Kedah daripada PAS.

"Dalam pilihan raya 1999, prestasi Kedah tidak begitu baik...kita sebenarnya kalah dalam kawasan Parlimen, bagi negeri pula dapat juga dua pertiga tapi bila pilihan raya kecil Lunas, kita kalah. Untuk 2004 kita nak tentukan semua kerusi yang dimenangi oleh parti lawan dapat balek kat kita," katanya.

Mahathir berkata sebagai penasihat pilihan raya negeri, beliau akan sentiasa ke Kedah untuk memberi nasihat demi nasihat, baik semasa pilihan raya mahu pun sebelum pilihan raya.

"Kalau nasihat saya ini diterima kita akan menang. Saya, tahun ini tak bertanding tapi janganlah bagi saya malu kalau kalah di mana-mana...kasianlah kat saya. Kita mesti rampas balik semua tempat yang kita kalah," katanya.

Beliau juga berharap semua parti-parti komponen yang telah bekerjasama menubuhkan jentera pilihan raya Barisan Nasional untuk bersiap sedia dari sekarang untuk digerakkan mengikut cara bekerja BN.

Terdahulu, Pengerusi BN negeri, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata terdapat sembilan faktor yang boleh mengajak rakyat terus menyokong BN dan memastikan Barisan Nasional terus kuat di negeri ini.

Menteri Besar Kedah itu berkata sembilan faktor itu ialah kerja secara berterusan untuk parti tanpa mengharap imbuhan, sokong sepenuhnya sesiapa yang dipilih, pastikan seluruh kekuatan jentera untuk menang pilihan raya bukan untuk sabotaj, kemaskinikan keperluan logistik untuk kerja parti dan maksimumkan kekuatan yang ada untuk jalankan kempen.

Beliau berkata lima lagi faktor ialah memastikan semua ahli bekerja untuk parti dan mengundi BN, kurangkan unsur berpuak-puak, kukuhkan sumber kewangan untuk digunakan bagi kempen menaikkan imej parti, tidak lobi melobi bagi kepentingan peribadi dan tidak melobi pihak atasan untuk menjatuhkan satu sama lain.

-- BERNAMA

SN AZH